



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA MENGGANTUNG LESEN PENGENDALI KES KEMALANGAN MELIBATKAN SEBUAH LORI DENGAN LIMA BUAH KENDERAAN DI JALAN IPOH

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memandang serius isu membabitkan keselamatan orang ramai susulan insiden kemalangan yang melibatkan kenderaan barang (lori) jenis tipper dengan lima (5) kenderaan awam yang lain di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur menghala ke Sentul dari Jalan Duta pada 6 September 2021 jam 2.40 petang yang lalu.

Mengambilkira kepentingan awam dan berdasarkan laporan siasatan ‘JPJ Inspection & safety Audit’ (JISA) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memutuskan untuk mengambil tindakan penggantungan kepada Lesen Pengendali syarikat CBSB Transport Sdn Bhd iaitu pemegang lesen kenderaan barang yang terlibat dalam kemalangan tersebut selama tiga (3) bulan atau sehingga syarikat memenuhi keperluan Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010 (ICOP) sepenuhnya, yang mana terkemudian berkuatkuasa 27 September 2021.

Tindakan ini diambil selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 62 Akta Pengangkutan Awam Darat 2020 (Akta 715) dimana syarikat telah gagal melaksanakan ICOP tanpa sebab yang munasabah dimana ia merupakan satu pelanggaran serius terhadap syarat lesen serta melibatkan risiko keselamatan kepada pemandu, pengguna jalan raya dan juga orang awam.

MOT sememangnya sentiasa memandang serius isu berkaitan keselamatan kenderaan pengangkutan awam dan tidak akan berkompromi dengan sebarang ketidakpatuhan berkaitan pematuhan permit dan lesen oleh pengendali.

Semoga tindakan ini dapat memberi pengajaran kepada pengendali terlibat serta peringatan kepada keseluruhan industri pengangkutan awam dan perdagangan secara amnya.





## **MINISTRY OF TRANSPORT SUSPENDS OPERATOR LICENSE OF OWNER OF LORRY INVOLVED IN 5-VEHICLE CRASH ON JALAN IPOH**

A collision involving a tipper lorry and five (5) passenger cars on Jalan Ipoh, Kuala Lumpur heading to Sentul from Jalan Duta at 2:40pm on 6 September 2021 is a major traffic issue which the Ministry of Transport views seriously due to the hazard it posed to public safety.

Based on the JPJ Inspection and Safety Audit (JISA) report produced by the Road Transport Department (JPJ), APAD have made the decision to suspend CBSB Transport Sdn Bhd's operator license as the owner of the lorry involved in the accident for three (3) months from 27 September 2021 or until the company fully complies with its ICOP requirements, whichever is later.

This action was taken in line with Section 62 of the Land Public Transport Act 2010 (Act 715) which stipulates that any company that fails to comply with the Occupational Safety and Health Industry Code of Practice for Road Transport Activities (ICOP) with valid cause has violated the terms of the license and posed safety risks to other drivers, pedestrians, and the public at large.

MOT takes this case seriously and will not compromise on any issue that affects public safety nor tolerate non-compliance to license and permit conditions by operators.

We hope that this action serves as an example for other operators and a reminder for the broader public and commercial transport industries.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
28 SEPTEMBER 2021**

**-TAMAT-**

---

### **Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

